

Pengurus perlu eratkan hubungan sama pekerja

BH 20 JUL 1985

KULIM, Jumaat — Pihak pengurusan kilang harus mengeratkan lagi perhubungan dan perpaduan dengan para pekerjanya bagi menjamin produktiviti yang lebih tinggi, tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, pihak pengurusan sesebuah kilang dan pekerjanya mempunyai tanggungjawab bersama menjamin keuntungan kilang mereka.

"Kerajaan juga bertanggungjawab memajukan sesebuah kilang dengan memberi pelbagai kemudahan," ujar Perdana Menteri ketika merasmikan kilang Marconi Malaysia Sdn Bhd di kawasan perindustrian di sini petang ini.

Perdana Menteri berkata, perhubungan tiga penjurong pengurus, pekerja dan kerajaan perlu ada bagi menjamin produktiviti yang tinggi.

Di samping itu, Perdana Menteri berkata, keteguhan politik dan sistem

pemerintahan yang stabil menjadi daya penarik pelabur asing ke negara.

Beliau juga berkata, kerajaan sentiasa membuka peluang kepada pengusaha-pengusaha tempatan selain daripada pelabur-pelabur asing untuk meneroka alam perindustrian di negara ini, agar lebih banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan.

Polisi

Bagaimanapun, bagi menyakinkan pelabur-pelabur asing, memulakan perniagaan dan perusahan di sini para pekerja haruslah membuktikan kecakapan kerja dan mempunyai mutu pengeluaran yang baik, katanya.

"Sebab itulah kerajaan tidak pernah mengubah polisi dalam usaha menarik lebih ramai para pelabur asing datang ke negara ini," tegas beliau.

Perdana Menteri juga membidas para peniaga yang tidak bertanggungjawab mencekutkan manipulasi daripada Pasaran Saham Kuala Lumpur.

Katanya, sikap para pedagang di KLSE itulah yang menyebabkan kejatuhan pasaran saham baru-baru ini.

Perdana Menteri berkata, kegiatan mereka itu akan merosakkan ekonomi negara dan dalam jangka panjang merugikan wang dan menyebabkan mereka bankrap.

Beliau menggesa mereka yang berkenaan mewujudkan keyakinan kepada pasaran itu bagi menggalakkan lebih ramai pelabur asing ke negara ini.

Sementara itu, Menteri Besar Kedah, Datuk Paduka Haji Osman Aroff, dalam ucapan aluannya berkata, matlamat pembangunan negeri Kedah ialah meningkatkan produktiviti dalam semua sektor dengan membangkitkan pelbagai pihak.

Katanya, kerajaan negeri dengan bantuan kerajaan pusat telah melaksanakan pelbagai program dengan tujuan untuk meningkatkan dan mempelbagaikan

daya pengeluaran dalam sektor pertanian.

Beliau juga yakin dalam tahun-tahun yang akan datang negeri ini akan mempunyai lebih tenaga pekerja khususnya dalam sektor pertanian.

Kilang Merconi ini ialah sebuah syarikat usahasama ditubuhkan tahun lalu dengan tujuan untuk mengeluarkan digitel multiplex dan line equipment untuk bekalan Jabatan Telekom di negara ini.

Tujuh puluh peratus ekuiti kilang itu dimiliki oleh pelabur-pelabur tempatan termasuk Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah dan Bank Islam. Ia dibina dengan modal \$4.5 juta.

Turut hadir di upacara perasmian kilang ini ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali, Menteri Tenaga Pos dan Telekom, Datuk Leo Moggie, Timbalan Menteri Pertahanan, Abang Abu Bakar dan Timbalan Menteri Luar, Haji Abdul Kadir Haji Sheikh Fadzir.